

29 MAC 2017



# Syarahan

CenPRIS - Dato' Jenaton



## SEJARAH BAGAN

Syarahan oleh

Encik Dahalan Fazil

## **Mengenai**

### **Syarahan Cenpris – Dato’ Jenaton**

### ***CenPRIS Dato’ Jenaton Lectures***

Siri Syarahan Cenpris-Dato’ Jenaton bertujuan berkongsi dan merakamkan cerita-cerita mengenai kehidupan dan pemikiran masyarakat Melayu-Islam di Pulau Pinang. Ia menjemput individu sebagai sumber sejarah dan penceramah dari pelbagai latarbelakang dan bidang untuk bercerita, mentafsir, dan menggalakan sejarah dan warisan Melayu serta pertembungan Melayu-Islam dengan budaya-budaya dan etnisiti dalam dan luar rantau kepulauan Melayu.

### **Syarahan Cenpris – Dato’ Jenaton**

Dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa [CenPRIS], Universiti Sains Malaysia, dengan kerjasama Keluarga Dato’ Jenaton [K-Jenaton], Persatuan Sejarah dan Warisan Melayu Pulau Pinang [PEWARISAN] dan Unit Sejarah Lisan, Pusat Pengjian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

## Encik Dahalan Fazil



### Biodata

Dahalan Fazil merupakan pakar perunding landskap dan pertanian hingga ke hari ini dan pernah bertugas sebagai Pegawai Pertanian Daerah Sik selama 11 tahun dari 1982 hingga 1993 sebelum bertugas pula sebagai Penolong Pengarah Pertanian Negeri Kedah pada 1995 hingga tahun 2000. Beliau juga pernah dilantik sebagai Timbalan Pengarah Pertanian Pulau Pinang antara tahun 2000 hingga tahun 2002 dan sebelum bersara pada tahun 2008, beliau bertugas sebagai arkitek landskap merangkap Penolong Pengarah Perancang Bandar di Majlis Perbandaran Seberang Perai pada tahun 2002 hingga 2008. Pada tahun 2015, beliau dilantik sebagai Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai sebelum dilantik sebagai Pegawai Penyelaras Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri, Penaga pada tahun 2016. Beliau juga aktif di dalam aktiviti bersama Badan Bukan Kerajaan, NGO antaranya beliau merupakan Timbalan Presiden Persatuan Sejarah dan Warisan Pulau Pinang bermula tahun 2016 hingga sekarang. Selain PEWARISAN, beliau juga aktif dengan NGO lain antaranya termasuklah Persatuan Sejarah Kepala Batas, Malaysian Nature Society dan Persatuan Warisan Masjid Melayu Aceh, Pulau Pinang. Beliau juga pernah menganggotai pasukan penyelidikan sejarah, Penyediaan Buku Seberang Perai Pictorial History.

# Aturcara Majlis

## 29 MAC 2017

Bilik Mesyuarat  
Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS)  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang



- 3.00petang : Ketibaan Para Jemputan dan Pendaftaran
- 3.30petang : Kata-kata aluan Pengarah CenPRIS  
Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk
- 3.35petang : Pengenalan kepada penceramah  
Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican  
*Konvenor Syarahan CenPRIS-Dato' Jenaton*
- 3.50petang : Syarahan Encik Dahalan Fazil  
*Timbalan Presiden, Persatuan Sejarah dan Warisan Pulau Pinang (PEWARISAN) / Pengkaji Sejarah Tempatan*
- 4.30petang : Sesi Interaksi
- 5.00petang : Majlis Bersurau

# **Sejarah Bagan**

*oleh*

## **Encik Dahalan Fazil**

*Timbalan Presiden, Persatuan Sejarah dan*

*Warisan Pulau Pinang (PEWARISAN) /*

*Pengkaji Sejarah Tempatan*

### **Pengenalan**

Semasa Tanjung Penaga dibuka oleh Francis Light untuk mendirikan kota Fort Cornwallis pada 1786, penduduk tempatan telah ada menetap di Batu Uban, Sungai Pinang, Telok Bahang dan di Seberang Perai. Misalnya di Batu Uban wujud komuniti Melayu yang berasal dari Sumatera dan Kedah serta percampuran dengan pedagang dan alim ulama dari Arab. Di Telok Bahang pula penduduk nelayan berasal dari Kedah dan Aceh. Di Sungai Pinang juga terdapat penduduk Melayu berasal dari Kedah, Aceh, Sumatera dan India Muslim yang berdagang dengan penduduk tempatan yang mengikut cerita lisan yang mashyur sebagai “Tok Nadok berkajang kain” yang bermaksud Tok Nadok atau Tok Nagor berkemahkan kain. Tanah Besar yang bertentangan dengan Tanjung Penaga inilah yang dikenali sebagai Bagan. Sebutan Bagan itu kekal sehingga hari ini kerana banyak sekali nama tempat yang bermula dengan nama Bagan yang dikenali sebagai “10 Bagan” iaitu Bagan Belat, Bagan Tambang, Bagan Lebai Tahir, Bagan Dalam, Bagan Ajam, Bagan Jermal, Bagan Lama, Bagan Luar, Bagan Tuan Kecil, Bagan Lalang dan Bagan Serai.

## KESULTANAN KEDAH DAN PEMBUKAAN SEBERANG PERAI

Sementara itu di Kampong Kota, Kuala Perai dan Juru dulunya adalah sebahagian dari daerah penting dalam “Negara Kesultanan Kedah” di zaman Sultan Muhamad Jiwa II (1710-1778) dan menjadi pusat-pusat penempatan awal yang penting semasa penyerahan Pulau Pinang kepada Francis Light 1786.

Dimana Kuala Perai menyaksikan pertempuran hebat tentera-tentera Sultan dan pahlawan-pahlawan Melayu dari Kedah dan Nusantara menyerang Inggeris untuk mengambil balik Pulau Pinang dari Inggeris di zaman Sultan Abdullah pada 1791. Semasa Pemerintahan Inggeris pula Seberang Perai telah menjadi sebahagian dari Koloni Inggeris dibawah Pulau Pinang yang dikenali sebagai Province Welessley.

Namun Sejarah Seberang Perai seperti disebut oleh banyak Ahli Sejarah seperti Dr Mahani Musa, Prof Md Isa Othman, Prof Abd Rahman Ismail, Dato Wan Shamsudin, Dato Omar Hashim dan sebagainya bahawa Seberang Perai sangat terpengaruh sejarahnya dengan apa yang berlaku di Kedah meski pun selepas 1800 khususnya ketika Peperangan Kedah-Siam 1821-1842. Dimana Seberang Perai dan Pulau Pinang menjadi tumpuan pelarian perang dan markas mengatur serangan Gerakan Pembelaan Kedah atau lebih tepatnya sebagai Tapak Cetusan Awal Semangat Kemerdekaan dari Penjajahan kuasa-kuasa asing dirantau ini khususnya di Utara Semenanjung Tanah Melayu.

Sementara itu Seberang Perai yang lama dibawah pemerintahan Kesultanan Kedah malah sebahagian dari Kerajaan Lembah Bujang di Zaman Langkasuka telah lama diduduki penduduk Melayu tempatan di Kota Aur, Rantau Panjang, Guar Kepah, Permatang Bendahari, Penaga, Kuala Muda, Kuala Bekah, Bagan Tambang, Telok Air Tawar, Kuala Perai, Bagan, Kampong Kota,Kuala Juru dan Pulau Aman jauh lebih awal sebelum kedatangan Francis Light lagi.

Butterworth atau “Bagan” adalah nama panggilan penduduk tempatan yang dimaksudkan pengkalan atau” jetty” . Kawasan Bagan merupakan kawasan penempatan awal penduduk tempatan di pesisiran pantai menghadap Pulau Pinang terutamanya nelayan. Ini dapat yang dapat dilihat dari nama tempat-tempat di sepanjang pantai di Bandar Butterworth sehingga ke Telok Air Tawar yang bermula dengan Bagan bermaksud Pengkalan atau “jetty”. Bermula dari Pengkalan Sultan Abdul Halim, Bagan lama, Bagan Buaya, Bagan Jermal, Bagan Ajam, Bagan Lebai Tahir, Bagan Tuan Kecil, Bagan Lalang, Bagan Dalam hingga ke Bagan Tambang dan Bagan Belat di Telok Air Tawar.

### **KAMPONG UJONG BATU**

Ujong Batu yang berdekatan Kampung Bagan Dalam itu adalah merupakan penempatan awal komuniti Melayu di muara Sungai Perai ketika sebelum zaman pembukaan Pulau Pinang dalam tahun 1786. Penduduk-penduduk di muara Sungai Perai ini dikatakan mempunyai kaitan dengan penduduk di Pulau Aman, Kampung Kota yang datang dari Kedah, serta penduduk dari Setul (Satun), Trang ,Krabi di Thailand dan Batu Bara di Sumatera.

Dinamakan Ujong Batu kerana dikawasan muara sebelah kanan sungai terdapat banyak bongkah bongkah ditebing Sungai Perai ini sebab itu dinamakan kawasan ini sebagai Hujong Batu atau Ujong Batu. Pada awal tahun 1880 terdapat khidmat Feri Rantai (Chain Ferry) yang digunakan sebagai penghubung dua hala di antara Prye (Prai) dan Butterworth. Oleh itu Jalan utama dari Pengkalan Sultan Abdul Halim ke Perai dinamakan Jalan Chain Ferry.

Perkhidmatan feri rantai atau “Chain Ferry “ ini menjadi pengangkutan awal merentasi Sungai Perai di antara Perai dan Hujong Batu berhampiran Bagan Dalam sekarang ini dan diantara suatu tempat yang sekarang ini dikenali sebagai Jambatan Tunku Abdul Rahman. Perkhidmatan sampan berulang alik melintasi Sungai Perai telah lama wujud dari Pekan Perai untuk ke stesyen keretapi dan Kilang Gula Perai dimana terdapat gambar lama menunjukkan pekerja Kilang Gula sedang menunggu sampan pada 1890an di Pengkalan Ujong Batu.

Sejarah perhubungan merentasi Sungai Perai dimajukan lagi dengan adanya Stesyen Keretapi Perai yang dibina pada 1899. Maka terdapat jeti feri SS Violet yang digunakan untuk membawa penumpang-penumpang dari Stesen Keretapi Prai terus ke George Town. Peristiwa sejarah awal yang penting disini adalah pernah berlaku pertempuran sengit di antara tentera Sultan Kedah dengan tentera Francis Light kira-kira 225 tahun yang lalu ekoran pencabulan perjanjian Inggeris dengan kerajaan Kedah, di mana angkatan perang Kedah yang sedang berkubu di Kuala Perai telah diserang secara mengejut terlebih dahulu oleh pihak tentera Francis


Light dengan mengarah serangan dilakukan oleh pembantunya yang bernama Kapten Andrew Glass pada tarikh 12 April 1791 jam 4.00 pagi. Dari sumber sejarah juga menyatakan bahawa Sultan Kedah telah bersiap sedia dengan Angkatan Perang Kedah untuk memerangi Inggeris bagi mengambil balik Pulau Pinang yang di ambil Inggeris secara tipu muslihat. Namun Angkatan beliau telah tewas dalam serangan mengejut Francis Light pada 1791 .Seperti Catatan Penulis Buku Pembangunan Pulau Pinang, Zakry Abadi, 1994 *Maka Sultan telah mengatur rancangan nya untuk menyerang Inggeris dengan menyiapkan Angkatan Perangnya yang berpusat di Kg Kota. Senjata-senjata dipersiapkan dari “kilang-kilangnya” di Pekan Darat. Pahlawan-pahlawan dan panglima-panglima perang serta para perajurit-perajurit telah bersiap siaga untuk bertempur dimedan “jihad menentang kafir” kerana mereka bukan sahaja dari Angkatan Kedah malah telah dibantu dari para kesatria Melayu dari Aceh, Perak, Patani, Johor malah dari Brunei, Kepulauan Mindanao dan Illanun.*

*Perang ini amat penting demi mempertahankan satu lagi bumi Melayu dari jatuh ketangan penjajah....bererti hidup dan mati Kedah seterusnya dan Nusantara ini seanteronya....Maka dengan 1,000 buah perahu-perahu telah dipersiapkan untuk menyerang Pulau Pinang dari Kuala Perai.....*

*“Angkatan Perang Kedah yang sedang berkubu di Kuala Perai mereka telah diserang mengejut terlebih dahulu oleh Kapten Light dengan mengarah serangan dilakukan oleh pembantunya “Kapten Andrew Glass pada 12 April 1791 kira-kira jam 4.00 pagi, empat kapal perang bernama Dolphin, Princess Augusta dan Valient bersama 3 kompeni askar sipahi/sepoi telah menyerang Kuala Perai.*

*Satu Peperangan yang hebat antara tentera Kedah dengan askar-asakar sipahi telah berlaku selama empat hari. Malangnya oleh kerana Syarikat Hindia Timur mempunyai kelengkapan senjata moden dan askar-askar yang terlatih telah menewaskan askar-askar Sultan Kedah..*

*Kebanyakannya Kubu-kubu yang dibina di Kuala Prai telah musnah dibom oleh kapal Perang British” ( Zakry Abadi dalam Pembangunan Pulau Pinang ,1994)*



*Pemimpin Tempatan Melayu Seberang Perai pada 1870an terdiri dari Penghulu-Penghulu dan Bangsawan*

Namun selepas itu Baginda juga telah memajukan pelabuhan di Seberang Perai dikawasan yang bertentangan dengan Tanjong Penaga bertujuan menyaingi Inggeris iaitu Pengkalan Sultan Abdul Halim atau Bagan sekarang ini Nama Meriam Timbul dan terdapatnya sepucuk meriam yang berada dalam rumah tokong Cina di tepi Jeti Pengkalan Feri Butterworth sekarang ini ada kaitannya dengan kesan peristiwa diatas.

Nama Bagan semakin tenggelam apabila William John Butterworth, Governor of the Straits Settlements (1843–1855) mengambil alih pentadbiran Negeri Selat maka nama Butterworth diberi sebagai pusat pentadbiran British di Seberang Perai. Sehingga sekarang masih terdapat kesan peninggalan bangunan lama 1800an termasuklah Hospital, Pejabat Pos, Pejabat Pertanian, Pejabat Town Council, Polis, Gereja dan bangunan persendirian semasa pentadbiran British seperti di Jalan Pantai atau pantai Road, Sekolah Convent Butterworth, Kilang Memproses Bijih Timah (Malaysian Smelting Corporation) Lapangan Terbang RAAF atau Pengkalan TUDM sekarang ini, Taman Robina dan Bangunan unik seperti “Piring Terbang” di Kolej Vokasional Butterworth di Telok Air Tawar.

#### **SEJARAH KAMPONG BAGAN DALAM DAN MAKAM SHEIKH AKHIL MUHAMMAD**

Bagan Dalam adalah sebuah penempatan Melayu berdekatan muara Sungai Perai di sebelah selatan, manakala di sebelah utaranya pula adalah berhampiran dengan perairan Pulau Pinang yang berhadapan dengan Tanjung Penaga. Keluasan Bagan Dalam adalah kira-kira 3.5 kilometer persegi, manakala penduduknya pula dianggarkan seramai 4,500 orang, berdasarkan statistik populasi yang dibuat dalam tahun 1996 hingga 1998.

Lokasi Bagan Dalam yang terletak begitu strategik berhampiran muara sungai dan laut itu dikatakan memudahkan kapal-kapal atau sampan-sampan dari luar berlabuh di jeti tambatan.

Kawasan ini dahulunya merupakan suatu tempat yang begitu sibuk dengan pelbagai urusan yang melibatkan perdagangan dan pengangkutan, malah ia juga merupakan suatu wilayah yang menjadi rebutan penjajah Inggeris yang ingin menjadikan sebahagian wilayah Bagan Dalam ini sebagai hub pelabuhan perdagangan utama yang menghubungkan George Town di sebelah pulau dan Butterworth di sebelah tanah daratan semenanjung...“

Rangkaian atau zon penempatan wilayah Bagan Dalam ini dikatakan sebanyak lima buah kampung di dalamnya seperti Kampung Perlis, Ujong Batu, Kampung Londeh, Kampung Musang dan Kampung Chain Ferry. Di samping itu zon khairah masjid Bagan Dalam adalah yang terbesar di Butterworth, di mana zon khairahnya meliputi jaringan sehingga ke Kampung Jawa, Balai Pukat, Kuarters STC dan juga kuarters di Jalan Heng Seng Whatt.


Menurut sejarah lama mengatakan, Bagan Dalam ini telah dibuka oleh dua orang pedagang dan pendakwah Islam yang bernama "Tuan Sheikh Akhil Khan Bin Mohammad" dan "Tuan Sheikh Ghulam Khan Bin Mohammad" yang berasal dari sebuah wilayah Fathan atau "Pactyans" berhampiran Arachosia di selatan Afghanistan yang bersempadan dengan sebelah barat Pakistan dalam tahun 1765 masihhi.

Sheikh Akhil dan Sheikh Ghulam yang berturunan Pashtun ini adalah bersaudara, mereka belayar menggunakan sebuah kapal kecil melalui lautan Hindi dan kemudiannya singgah di Batu Uban sebelum tiba di kawasan pesisir pantai Tanjong Penaga berdekatan muara Sungai Perai kira-kira 250 tahun yang lalu sebagai pedagang.

Di samping menjual barang-barang dagangan, mereka juga dikatakan mengajar ilmu-ilmu fiqh kepada penduduk-penduduk setempat. Mereka kemudiannya berkahwin dengan penduduk tempatan dan seterusnya menetap di Bagan Dalam sehingga ke akhir hayat...“

### **SURAU BALAI PUKAT**

Balai Pukat merupakan perkampungan nelayan Melayu yang wujud sebelum kedatangan Inggeris di Pulau Pinang dalam tahun 1786. Penempatan Balai Pukat dikatakan semakin terhakis apabila jeti Mitchell Pier, Terminal Shell & Esso dan kilang STC dibina sekitar tahun 1860 hingga 1900, di mana kebanyakan penduduk-penduduk di sini telah berpindah ke Kampung Jawa, Butterworth. Penempatan awal komuniti Melayu di Balai Pukat ini dapat dibuktikan dengan adanya tanah perkuburan Islam yang berdekatan dengan terminal Shell & Esso yang dikatakan telah wujud sejak 300 lalu. Selain itu, di kawasan ini juga terdapat sebuah kilang peleburan bijih timah terbesar dunia Straits Trading Company (STC) yang telah dibuka oleh Sir James Sword yang berasal dari England dan Sir Herman Muhlinghaus yang berasal dari Germany pada tarikh 8 November 1887, dan memulakan operasi peleburan bijih timah dalam tahun 1900 di Jalan Pantai, Butterworth.



*Perkampungan nelayan sekitar Surau Balai Pukat dan Jeti Feri Bagan sekarang dan sebelum pembangunan Stesyen Bas, Pengkalan Feri Mitchel Pier, Pangkalan Sultan Abdul Halim, Loji Tangki Minyak Shell dan Esso. Namun kelihatai sebelah kirinya struktur konkrit besi pelantar jeti untuk kilang peleburan bijih timah telah wujud pada masa itu, dianggarkan gambar ini diambil pada 1890an.*

Surau Al Hidayah Balai Pukat atau lebih dikenali dengan nama "Madrasah Balai Pukat" ini merupakan sebuah rumah ibadat dan tanah perkuburan Islam yang telah lama wujud di Butterworth sejak zaman penjajahan Sir Francis Light di Pulau Pinang dalam sekitar tahun 1786 yang lalu. Populasi penduduk Islam setempat yang ramai pada ketika itu di sekitar Balai Pukat, kuarters Straits Trading Company (STC), Kampung Jawa, Jalan New Ferry dan Mitchell Pier dikatakan telah mengimarahkan surau ini secara berjemaah dengan ibadah solat lima waktu serta lain-lain lagi aktiviti keagamaan seperti solat sunat terawih, solat sunat Aidilfitri, solat sunat Aidiladha, moreh dan sebagainya. Surau dan tanah perkuburan Islam yang yang diwakafkan oleh Haji Sulaiman yang terletak berdekatan tangki minyak Shell Malaysia Trading, tangki minyak Esso (Petron) dan pejabat Central Electrical Board (kini TNB) di Jalan Pantai Butterworth ini merupakan salah satu institusi yang terawal masayarakat Melayu di Butterworth.

## KAMPONG BALAI PUKAT

Kampong Balai Pukat selain surau nya dan tanah perkuburan ini sebelah utaranya terdapatnya sebuah bangunan lima tingkat pejabat Central Electrical Board (CEB) atau Lembaga Letrik Negara (kini TNB) yang dibina dalam tahun 1950an oleh sebuah syarikat pembinaan milik India Muslim dari Singapura. Bangunan CEB atau LLN yang tersgam indah itu terletak berdekatan jalan masuk ke pejabat operasi Shell Malaysia Trading, manakala di sebelah pagarnya pula terdapat sebuah kilang peleburan bijih timah Straits Trading Company Limited (STC) yang dibina dalam tahun 1887 yang juga terletak di Jalan Pantai Butterworth.

Perbezaan dahulu dan sekarang di persisir pantai Balai Pukat berdekatan terminal feri Pengkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth begitu ketara sekali pembinaan landasan keretapi yang digunakan sebagai pengangkutan dua hala di antara Dermaga Air Dalam Butterworth (Butterworth Deep Water Wharf) dan Terminal Kontena Butterworth Utara (North Butterworth Container Terminal). Perkampungan nelayan Melayu yang wujud sejak dulu telah bertukar wajah menjadi sebuah depo tangki minyak ataupun terminal Shell dan Esso yang masing-masingnya terletak Jalan Pantai, Butterworth. Ekoran daripada pembinaan terminal dan tangki minyak tersebut, penduduk-penduduk yang bekerja sebagai nelayan pantai di kawasan Balai Pukat itu telah berpindah ke Kampung Jawa dalam sekitar tahun 1900. Dahulunya penempatan nelayan ini adalah bersebelahan dengan sebuah kilang peleburan bijih timah Straits Trading Company (STC) yang dikatakan telah wujud lebih awal daripada terminal minyak Shell dan Esso sekitar tahun 1887..."

## MITCHELL PIER (PANGKALAN SULTAN ABDUL HALIM)

Pengkalan Sultan Abdul Halim atau lebih dikenali sebagai Terminal Feri Butterworth adalah sebuah jeti pengangkutan awam untuk perkhidmatan feri Pulau Pinang yang akan beroperasi antara George Town dan Butterworth. Ia terletak di bandar Butterworth dan merupakan sebahagian daripada kawasan pelabuhan di Pelabuhan Pulau Pinang.

Dari terminal, feri menyeberangi selat utara ke Pengkalan Raja Tun Uda di George Town. Terminal Feri Butterworth juga dalam jarak berjalan kaki yang singkat dari Stesen Keretapi Butterworth dan Terminal Bas Butterworth. Apabila ia dibina pada awal abad ke-20, dermaga di Butterworth dinamakan Mitchell Pier, sempena nama Gabenor Mahkota Colony Negeri-negeri Selat, Sir Charles Mitchell, yang berkhidmat dari 1894 hingga 1899.

Berikutan kemerdekaan dan pembinaan semula dermaga, ia telah ditukar nama kepada Pengkalan Sultan Abdul Halim selepas Sultan Kedah, Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, yang kelima Yang di-Pertuan Agong Malaysia dari 21 September 1970 hingga 20 September 1975 dan sejak 13 Disember 2011 adalah sekali lagi memerintah sebagai ke-14 Yang di-Pertuan Agong, yang pertama untuk memegang jawatan itu dua kali. Ferry di Pengkalan Sultan Abdul Halim (29 Januari 2009)



*Pangkalan Sultan Abdul Halim pada 1960an dalam pembinaan tambahan*

Pangkalan Sultan Abdul Halim yang terletak di tepi perairan Butterworth, Pulau Pinang telah dikejutkan dengan suatu peristiwa berdarah yang berlaku pada hari Ahad 31 Julai 1988. Kejadian yang berlaku pada jam 4.40 petang itu dikatakan telah mengorbankan seramai 32 orang manakala 1,674 orang lagi cedera parah..."Dua perayaan serentak di George Town dan Seberang Perai itu dikatakan menjadi punca utama kesesakan teruk yang dianggarkan seramai lebih 20,000 orang telah berkumpul dalam satu masa di Pengkalan Sultan Abdul Halim.Dua perayaan serentak itu adalah "Pesta Dewi Kwan Yin" yang melibatkan penganut Buddha di George Town, manakala sambutan ulang tahun Gereja St Anne di Bukit Mertajam yang melibatkan penganut Kristian juga diadakan pada hari yang sama...“

### **MERIAM TIMBUL**

Di sebelah Pangkalan Sultan Abdul Halim sekarang terdapat bangunan lama dikawasan bangsal nelayan yang kawasan ini dikenali sebagai Meiam Timbul .Disini pada tahun 1960an hingga 1980an terkenal dengan gerai-gerai makan yang sentiasa penuh dikunjungi penduduk sekitar dan orang ramai kerana bersebelahan stesen bas Bagan dan feri.Namun kini telah tiada hanya tinggal bangunan seperti tokong Cina yang didalamnya terdapat sepucuk meriam bersejarah yang dikenali sebagai Meriam Timbul.



Meriam Timbul dan Lagendanya di Pier Road ditepi  
Pangkalan Sultan Abdul Halim sekarang

### PADANG TIGA SEGI

Mercutanda yang sangat nostalgia dikawasan berhampiran pengkalan Sultan Abdul Halim dan Jetti sebelum kita naik feri adalah Padang Tiga Segi yang merupakan satu kawasan Padang Awam atau “Open Space” yang sangat terkenal menjadi mercutanda Bagan pada 1960an hingga 1980an yang kini telah hilang ditelan kerana pembangunan infrastruktur jalan dan simpang simpang jalan. Nama asal sejarahnya Padang Tiga Segi ini adalah Pratt’s Park yang dibina sekitar 1900 namun penduduk tempatan mengenali kawasan ini sebagai Padang Tiga Segi kerana bentuknya tiga segi meski pun berfungsi nya sebenar adalah sebagai “Round About” dan Taman Awam.

Terdapat gambar ini diambil dari udara sekitar tahun 1965 - 1967 oleh Richard semasa bertugas dgn RAF yang berpengkalan Udara Butterworth. Kelihatan padang tiga segi dan padang yg agak besar yg terletak bersebelahan. Butterworth feri dan Terminal KTM yang baru sedang dlm pembinaan pada sekitar tahun tersebut. Kelihatan dari udara perkampungan Balai Pukat, Kg Jawa, Kg. Bagan Dalam serta jalan2 utama menghubung ke pintu masuk Terminal feri seperti Jalan Selat, Jalan Bagan Dalam dan Bagan Luar serta Chain ferry.

## KILANG PELEBURAN BIJIH TIMAH STRAITS TRADING COMPANY LIMITED (STC) DI JALAN PANTAI & JALAN ALLEN BUTTERWORTH

Menurut cerita En Jaafar Murad yang berasal dari kawasan Allen Road atau Jalan Allen ini bahawa Nama Jalan ini diberi bersempena nama seorang pengurus yang berkhidmat di kilang peleburan bijih timah Straits Trading Company Limited (STC) yang bernama William Harold Richard Allen yang telah berkhidmat di kilang berkenaan bermula pada tahun 1896..."Beliau dikatakan telah banyak menghabiskan masa sebagai Pengurus Kerja (Work Manager) di kilang STC yang terletak di Jalan Pantai, Butterworth..."

Setelah berkhidmat selama 30 tahun di kilang STC, beliau kemudiannya melepaskan jawatannya pada tahun 1926 kerana ingin berkhidmat sebagai Pengurus Perjawatan (Human Resources Manager) di sebuah syarikat peleburan bijih timah baru yang lebih besar yang terletak di Lancashire, England..." Beliau yang juga adik ialah H. C. W. Allen dari syarikat Boustead & Company telah meninggal dunia pada usia 52 tahun di Blundellsands, Liverpool pada tahun 1929..."

Allen dikatakan telah banyak menghabiskan masa sebagai Pengurus Kerja (Work Manager) di kilang STC yang terletak di Jalan Pantai, Butterworth. Setelah berkhidmat selama 30 tahun di kilang STC, Allen kemudiannya melepaskan jawatannya pada tahun 1926 kerana ingin berkhidmat sebagai Pengurus Perjawatan (Human Resources Manager) di sebuah syarikat peleburan bijih timah baru yang lebih besar yang terletak di Lancashire, England.

Allen yang juga adik ialah H. C. W. Allen dari sebuah syarikat terkemuka Boustead & Company dikatakan telah meninggal dunia pada usia 52 tahun di Blundellsands, Liverpool pada tahun 1929...“ Kawasan kuarters STC di Jalan Pantai dan Jalan Allen ini suasannya dahulu begitu meriah dengan pelbagai warna warni kehidupan masyarakat yang hidup aman dan harmoni tanpa sebarang persengketaan, masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti Melayu, Cina, India, Jawa, Benggali dan Bugis itu dikatakan saling bekerjasama bantu membantu hormat menghormati di antara satu sama lain dalam aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat setempat, sebagai contoh dahulunya pernah beberapa kali penduduk-penduduk kuarters STC yang berturunan India dan Cina ini datang untuk membantu kerja-kerja pembersihan tanah perkuburan dan kolam wuduk Surau Balai Pukat, beginilah betapa harmoninya kehidupan masyarakat di sini pada suatu ketika dahulu. Selain daripada menjadi bentara dalam majlis perkahwinan Melayu oleh masyarakat Cina dan India di kawasan itu, kefasihan bertutur dalam Bahasa Melayu di kalangan masyarakat Cina dan India di kuarters STC ini sememangnya tidak dapat dibayangkan, mereka kebanyakannya amat fasih ketika berbicara, kadangkalanya tidak tidak dapat mengenal yang mana satu Melayu yang mana satu India, yang mana satu Cina yang mana satu Melayu, pernah suatu ketika seorang yang berbangsa India yang bernama Kartikesen a/l Veloo (Karisa) telah sendawa kerana kenyang dengan menyebut perkataan "Alhamdulillah", inilah sebahagian contoh yang dapat mengambarkan sedikit sebanyak tentang kehidupan masyarakat di kuarters STC pada suatu ketika dahulu...

"Setelah berlaku beberapa perubahan daripada segi politik dan sosio masyarakat berkenaan kajian sikap dan tatakelakuan penduduk-penduduk STC selama 7 generasi yang bermula daripada tahun 1931 hingga 2002 telah mengenalpasti perkara-perkara seperti berikut:

### **JALAN PANTAI**

Sejarah Jalan Pantai atau Pantai Road juga ada kisahnya yang tersendiri seperti yang telah dicatatkan oleh anak kepada seorang jurutera kilang STC yang bernama Willi Boehm kira-kira 60 tahun yang lalu menceritakan tentang kisah hidup mereka yang berasal dari Australia dan tinggal di Jalan Pantai pada tahun 1957 hingga 1973. Berdasarkan penceritaan oleh Willi Boehm, Jalan Pantai dahulunya adalah laluan yang agak tenang daripada kesibukan lalulintas, berbanding laluan utama di Jalan Bagan Luar yang merupakan jalan persekutuan. Lot-lot tanah di kedua-dua arah Jalan Pantai yang bermula daripada pejabat Central Electrical Board - CEB (kini TNB) sehingga ke Gereja St. Mark Butterworth kebanyakkan aset-aset dan hartanahnya adalah dimiliki oleh syarikat kilang peleburan bijih timah Straits Trading Company Limited (STC) sejak 128 tahun yang lalu. Jalan Pantai adalah jalan yang indah, penuh dengan pelbagai ragam dan watak manusia yang berbeza mengikut zaman, di antaranya adalah Pengurus Besar kilang STC yang bernama Tuan Bill Jayes dan kemudiannya diambil alih oleh Tuan Jack Oates sebagai orang utama yang mengendalikan pengurusan kilang berkenaan. Selain Tuan Bill Jayes dan Tuan Jack Oates, tokoh-tokoh lain yang berkhidmat dan menetap di Jalan Pantai adalah Jim Armstrong,

iaitu seorang Pengurus Besar STC berbangsa Inggeris yang gemar memandu kereta sport, beliau juga dikatakan sering mengunjungi Kelab Timah STC (Tin Club) yang terletak berdekatan dengan kilang STC di Jalan Pantai Butterworth. Selepas beberapa tahun berkhidmat di STC, Jim Armstrong akhirnya berkahwin dengan anak perempuan seorang kakitangan kilang STC yang bekerja di bahagian Bilik Bijih (Ore Room) berketurunan India yang bernama Presana. Selepas Tuan Jim Armstrong bersara, beliau bersama isterinya pulang ke England, dan kemudian isterinya meninggal dunia di sana...“

Selain Jim Armstrong, terdapat juga seorang wanita tua berbangsa inggeris , Puan Cato, juga tinggal di sebuah rumah banglo bernombor 88 di Jalan Pantai bersama suaminya yang bekerja sebagai Jurutera (Engineer) di kilang STC. Selepas kematian suaminya, Puan Cato yang dikatakan begitu taat beribadat di Gereja Katolik Jalan Chain Ferry itu akhirnya pulang ke England, dan jawatan jurutera itu kemudiannya dipegang oleh ayah kepada Willi Boehm. Selain itu, rumah bernombor 90 dan 94 di Jalan Pantai juga mempunyai beberapa keluarga yang sebahagian penghuninya berkhidmat sebagai tentera udara di Royal Australia Air Force (RAAF), manakala yang lain-lainnya adalah bekas tentera yang mencebur dalam bidang industri tempatan. Kawasan perumahan yang didiami oleh orang-orang Inggeris sudah pastilah menjadi sebahagian daripada keseronokan anak-anak muda tempatan yang dapat melihat gadis-gadis jelita menaiki bas sekolah RAAF yang saban hari melalui Jalan Pantai setiap petang pada ketika itu. Tuan Denis Robless yang kini menetap di Perth, Australia dahulunya dikatakan pernah tinggal di


pangsapuri yang berhadapan dengan laut yang bernama Bagnall Court, manakala yang berhadapan dengan Gereja St. Mark pula dinamakan Ferguson Court yang masing-masingnya terletak di Jalan Pantai dan Jalan St Mark, Butterworth. Rumah bernombor 92 di Jalan Pantai adalah kediaman kepada Tuan Jack Oates bersama keluarganya, Tuan Jack Oates adalah seorang Pengurus Besar kilang STC yang begitu popular dan dikenali ramai, selain itu beliau juga dikatakan seorang pengurus yang pertama dalam Malaysia yang menggunakan kereta jenama Chevy yang diimpot khas dari Amerika Syarikat sebagai kenderaan rasmi untuk kegunaannya..“

Tuan Bill Jayes juga sebelum pulang ke England dahulunya dikatakan pernah tinggal di sebuah banglo besar berwarna putih yang berdekatan dengan laut di Jalan Pantai, di antara rumah bernombor 90 dan 92, manakala rumah di sebelah kiri banglo Tuan Bill Jayes pula adalah rumah Ahli Kaji Logam (Metallurgist) yang berkhidmat di kilang Straits Trading Company Limited (STC). Nama-nama pegawai STC yang pernah tinggal di rumah berkenaan termasuklah keluarga Tuan Engle, Tuan Chadwicks dan yang paling terakhir sekali adalah Tuan Mike Dalton yang dikatakan bertugas sebagai Ahli Kimia (Chemist) di bahagian Makmal (Laboratory) di kilang STC, iaitu sebelum beliau pulang ke Sydney, Australia.Mr. Willi Boehm (Royal Australia Air Force) berasal dari Australia pernah tinggal di Jalan Pantai pada tahun 1957 hingga 1973..telah menceritakan bahawa sejarah Jalan Pantai atau Pantai Road “Dahulunya adalah laluan yang agak tenang daripada kesibukan lalulintas, berbanding laluan utama di Jalan Bagan Luar yang merupakan jalan persekutuan...”seperti yang telah dicatatkan oleh anaknya.....

Lot-lot tanah di kedua-dua arah Jalan Pantai yang bermula daripada pejabat Central Electrical Board - CEB (kini TNB) sehingga ke Gereja St. Mark Butterworth kebanyakkan aset-aset dan harta tanahnya adalah dimiliki oleh syarikat kilang peleburan bijih timah Straits Trading Company Limited (STC) sejak 128 tahun yang lalu...“

### KAMPONG JAWA

Suasana Kampong Jawa kini yang telah hilang daripada pandangan mata, namun pada ketika dahulu kawasan ini sebenarnya hidup dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan, sosial, keagamaan, hiburan dan lain-lain, juga terdapat acara-acara bulanan seperti tayangan wayang pacak, sarkis, pesta keramaian, funfair, persembahan muzik, sukaneka dan lain-lain persembahan kepada penduduk-penduduk setempat di sekitar Butterworth. Pada awalnya kawasan tapak sebelum terbinanya Mahkamah Municipal MPSP, dahulunya adalah kawasan padang yang dipenuhi dengan pokok-pokok kelapa yang dikatakan terdapatnya pertunjukan wayang pacak di Kampong Jawa ini.



Gambar menunjukkan kawasan Kampong Jawa

Wayang Pacak dalam era tahun 1960an ini merupakan hiburan bersiri yang bagi penduduk setempat dengan bayaran tiket masuk \$0.40sen oleh pihak syarikat tayangan filem sebelum wujudnya panggung wayang Cathay, Rex dan Odeon. Mustafa atau yang dikenali dengan nama "Man Panggung Wayang" yang berasal dari Sungai Nyior dan "Japaq Anak Mariah Haji" yang berasal dari Balai Pukat dikatakan pernah bekerja sebagai pengendali lampu di lokasi panggung wayang ini. Dalam tahun 1970an, kawasan ini juga dikatakan banyak syarikat-syarikat dari luar negara telah mengadakan pertunjukan sarkis dan silap mata, manakala dalam tahun 1990-an pula, persembahan artis-artis tempatan seperti Search, MAY, XPDC, Blackrose, Wings, SYJ, Bloodshed, Ella, Shima, Rahim Maarof dan lain-lain juga pernah mengadakan persembahan muzik rockdi funfair yang juga diadakan disini.

Kampung Jawa juga dulunya terdapat sebuah medan selera "food court" di belakang bangunan rumah kedai lima tingkat yang terletak bersebelahan dengan Hong Kong Bank (kini HSBC). Di food court berkenaan terdapat sebuah gerai menjual nasi yang terkenal "Pak Daud Panggung Rex" atau nama sebenarnya Jahangir Khan. Masakannya memang sedap seperti gulai ikan, telur dadar, sambal sotong, sambal ikan bilis, ayam masak kicap, ayam rose dan sebagainya. Namun kini ianya telah menjadi kenangan manis dan sedih merindukan suasana itu. Sebuah bangunan lima tingkat yang terletak di sebelah HSBC Bank terdapat sebuah kedai menjual peralatan sukan "Malaya Enterprise" itu dahulunya terdapat sebuah restoran makanan segera terkemuka dunia McDonalds dan American Burger pernah dibuka di bangunan itu pada awal tahun 1980-an.

Pada masa itu kawasan ini merupakan kawasan komersil perniagaan yang menjadi tumpuan. Puan Che Gayah Binti Mat (77 tahun) yang dilahirkan pada tahun 1937 adalah merupakan orang lama yang masih tinggal di Kampung Jawa sehingga ke hari ini. Beliau dahulunya bertugas sebagai pembantu rumah di kediaman rasmi pegawai STC di Jalan Pantai Butterworth. Beliau yang mempunyai seorang anak bernama Norizan Ismail yang lahir pada tahun 1956 dikatakan pernah bersekolah bersama Allahyarham Ibrahim Pendek dan Dato Jins Samsudin di Sekolah Rendah Jalan Kampung Liu di Taiping Perak..."

Beliau juga dikatakan pernah mendapat tawaran berlakon dalam filem "Panggilan Pulau" arahan Tan Sri P. Ramlee, tetapi di atas sebab tertentu beliau terpaksa menolak tawaran tersebut. Beliau adalah balu kepada Encik Mohamad Noor Bin Yusoff atau yang lebih dikenali dengan nama "Mat Lanca", beliau lahir pada tahun 1936 dan meninggal dunia pada tahun 2008. Allahyarham Mat Lanca dikatakan telah berkhidmat kepada masyarakat sebagai "pengayuh lanca" (beca) di jeti Butterworth selama 52 tahun, bermula ketika berusia 20 tahun lagi untuk menyara keluarga sehingga ke akhir hayatnya. Seorang lagi orang lama yang masih menetap di Kampung Jawa, Cik Maimunah Binti Hassan, lahirkan pada tahun 1946 di Hospital Butterworth dikatakan seorang aktivis wanita UMNO yang begitu aktif di Cawangan Kampung Jawa ini.

Penduduk STC dalam tahun 1929 hingga 1931 - Kuarters Jalan Pantai dan Jalan Allen telah dibina, di mana pembinaannya dikatakan sezaman dengan kuarters Public Work Department (PWD/JKR) di Jalan Heng Seng Whatt, Butterworth...


"Penduduk STC dalam tahun 1931 hingga 1940 - Penduduk-penduduk di sini dikatakan menjalani proses mengenal hati budi masing-masing, di mana majoriti penduduknya adalah keturunan Jawa yang berasal dari Pulau Brani, Singapura...“

Penduduk STC dalam tahun 1951 hingga 1960 sangat aktif dengan pelbagai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang mengwujudkan kerjasama erat sesama penduduk..Oleh itu. "Penduduk STC dalam tahun 1961 hingga 1970 merupakan komuniti penduduk yang dikenali dan dihormati di kalangan masyarakat tempatan dengan keharmonian berbagai kaum hidup saling menghormati di antara satu sama lain..."Penduduk STC juga diera 1971 hingga 1980 mewujudkan hubungan social yang aktif dengan aktiviti hiburan, sukan dan aktibiliti warisan seperti persilatan di samping memupuk semangat bekerjasama di antara satu sama lain..."Penduduk STC dalam tahun 1981 hingga 1990 - Semangat setiakawan dan persaudaraan di kalangan penduduk begitu mesra dan harmoni, serta saling tolong menolong di antara satu sama lain..."Penduduk STC dalam tahun 1991 hingga 2000 - Hubungan dan persahabatan di kalangan penduduk menjadi semakin longgar, kurang menumpukan perhatian dalam aktiviti kemasyarakatan dan sosial..."Penduduk STC dalam tahun 2001 hingga 2002 - Penduduk-penduduk kebanyakannya mengamalkan sikap tidak bertolak ansur, penuh dengan elemen prejudis, tidak bertanggungjawab, somborg, keakraban penduduk terungkai dan hilangnya sikap hormat menghormati di antara satu sama lain..."Penduduk STC dalam tahun 2002 - Kuarters Jalan Pantai dan Jalan Allen telah dirobohkan sepenuhnya pada 30 Ogos 2002 kerana pembinaan projek lebuhraya

Lingkaran Luar Butterworth (Butterworth Outering Road) dan kesan penggalian haram oleh pencari Tentulum...“

#### PUSAT PENTADBIRAN DAERAH SEBERANG PERAI UTARA

Jalan Pantai merupakan kawasan terawal kompleks pentadbiran British di Butterworth dimana dapat dilihat sepanjang jalan ini bermula Bangunan Pejabat Daerah, Polis, Hospital, Perpustakaan, Mahkamah, Pejabat Municipal atau Kerajaan Tempatan atau Majlis Perbandaran Seberang Perai sekarang ini disamping Pejabat Pos, Hospital Daerah, Jabatan Pertanian, Jabatan Kesihatan, Jabatan Kebajikan serta Bomba yang terdapat di Jalan Bagan Luar sebagai jalan utama selari dengan Jalan Pantai. Sekitar tahun 1960an dan awal 80an jalan pantai sangat meriah dengan kompleks menjual makanan tempatan serta taman permainan yang terletak di tepi pantai atau tepi laut yang menghidangkan pemandangan menarik serta makanan yang enak dan terkenal. Oleh itu terdapat beberapa gambaran Jalan Pantai atau Pantai Road seperti diceritakan oleh Mr Willi Boehm diera yang lebih awal dari itu.




Gambar menunjukkan kawasan Jalan Pantai

Kawasan Pantai Road bermula dari Jeti dan Stesyen Bas,Feri dan keretapi bersambung hingga ke Padang Bandaran hingga ke market Bagan Lama merupakan Jaluran servis pengangkutan awam, kuarters kerajaan dan swasta, pusat pentadbiran, hospital, taman pantai dan tepi laut seterusnya pusat pentadbiran dan perkhidmatan serta perdagangan yang memanjang dan saling bersambung menjadikan Bagan atau Butterworth begitu sibuk, ceria dan tambah hidup dan selesa dengan kedudukan ditepi laut menghadap pandangan yang menarik Pulau Pinang dan Bandar Tanjung atau George Town, merupakan suatu perancangan Bandar yang begitu tersusun dan menarik. Namun pembangunan yang lebih pesat kadang kalanya begitu “gopoh” memusnahkan keindahan dan keharmonian suasana ini diatas nama lebih pembangunan yang lebih moden.

#### **DATARAN PEMUDA MERDEKA**

Ketika era sebelum dan saat menghampiri kemerdekaan pada 1950an banyak peristiwa sejarah di Butterworth seperti Perisytiharan Pemuda Merdeka di Dataran Pemuda Merdeka di Butterworth, Pulau Pinang atau dahulunya dikenali sebagai padang British Recreation Club (BRC) pada 1958 yang di Ketuai oleh Ketua Pemuda UMNO ketika itu Dato' Hj Ahmad Badawi ketika itu dan juga persidangan para Alim Ulama dimana banyak organisasi awal dari Seberang Perai menjadi pengasas utama keahlian PAS. Dimana kejayaan Persidangan Persatuan Ulama Se-Malaya di Butterworth pada 24 November 1951 menjadi detik penting dalam sejarah Islam di negara ini kerana seperti dalam Wilkipedia Parti Islam Se-Malaysia

menyebutkan juga bahawa PAS telah ditubuhkan secara rasmi hasil dari perhimpunan atau muktamar tersebut, yang antaranya turut disertai oleh Kelab Melayu Bagan dari Seberang Perai, Perikatan Melayu Bersatu dari Seberang Perai dan Pulau Pinang dan lain-lain badan kebajikan, kelab atau jamaah terutamanya dari Seberang Perai dan Pulau Pinang.



*Gambar menunjukkan Haji Ahmad Badawi*

Pada ketika itu, Hj Ahmad Badawi sebagai ketua pemuda UMNO dikatakan akan mengambil tindakan kepada Inggeris sekiranya enggan memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu, namun beliau dinasihatkan oleh Tuan Syeikh Abdullah Fahim dan Tuanku Abdul Rahman supaya satu rundingan diadakan terlebih dahulu sebelum membuat sebarang tindakan, dan selepas daripada itu, maka tarikh 31 Ogos 1957 itu ditentukan di Kepala Batas oleh Tuan Syeikh Abdullah Fahim yang juga merupakan Bapa kepada ketua pemuda UMNO pada ketika itu.

## **Tuan Syeikh Abdullah Fahim dan Tuan Hj Ahmad Badawi dalam perjuangan Kemerdekaan**

Sheikh Abdullah Fahim dilahirkan pada tahun 1870 di Makkah, Arab Saudi di satu tempat yang tidak jauh dari Masjidil Haram yang bernama Syuib Ali. Namun ada pihak yang mengatakan ulama terkenal ini dilahirkan di Kampung Kubur Panjang, kira-kira 32 kilometer dari Alor Setar, Kedah.

Sheikh Abdullah Fahim adalah anak kedua daripada empat orang adik-beradik. Bapanya Sheikh Ibrahim bin Haji Tahir dan bermastautin di Makkah dan menjadi guru agama di Masjidil Haram dalam bidang pengajian al-Quran. Semasa hayatnya, Sheikh Ibrahim Tahir juga pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengelola Masjidil Haram selama 7 tahun. Kedua beranak ini dikenali oleh masyarakat Makkah sebagai keturunan Jawa dan Petani. Sheikh Abdullah Fahim pernah menuntut dengan 45 orang guru agama yang terkenal dan mendapat kelulusan dalam lebih 15 bidang ilmu Islam.

Kemahiran utama datuk kepada perdana Menteri Malaysia kelima ini adalah dalam bidang ilmu Falak dan Kesusateraan Arab. Sewaktu berada di Makkah, beliau mengambil kesempatan mempelajari ilmu politik Islam. Semasa tinggal di Makkah, Abdullah Fahim mendirikan rumah tangga dengan Hajjah Habsah Haji Abdullah. Mereka dikurniakan dua orang anak lelaki iaitu Ghazali dan Ahmad Badawi. Ghazali dan ibunya, Wan Habsah meninggal dunia di Makkah. Dalam bidang agama, Abdullah Fahim mengajar ilmu usuluddin, falak, tafsir Al-Quran dan Hadis di Masjidil Haram. Pelajarnya terdiri daripada pelbagai bangsa termasuk yang berasal dari Tanah Melayu, Sabah,

Sarawak, Jawa, Pattani, Filipina, India dan China. Disebabkan kemasyhurannya, apabila pulang Tanah Melayu pada tahun 1921, Abdullah Fahim sering di undang memberi ceramah atau pendapat pada seminar dan forum mengenai Islam. Ketinggian ilmu yang beliau miliki turut diakui oleh ulama terkenal Indonesia, Profesor Dr. Hamka.

Sekembalinya beliau ke Tanah Melayu pada tahun 1921, Abdullah Fahim tinggal di Kampung Limpong Kapal, Alor Setar, Kedah dan menjadi guru di Maahad Mahmud yang ketika itu menggunakan sistem pendidikan secara pondok. Pada peringkat awal kepulangan beliau ke tanah air, beliau terpaksa menggilap semula kemahirannya berbahasa Melayu kerana sudah sekian lama tidak mengamalkan bahasa itu. Selepas menetap di Kedah selama beberapa tahun pada tahun 1925, beliau berpindah ke Kepala Batas, Seberang Prai, Pulau Pinang. Semasa mula-mula tinggal di Kepala Batas beliau mengajar agama di anjung rumahnya dan di Masjid Kepala Batas. Apabila jumlah muridnya semakin bertambah, ulama yang merupakan Mufti pertama Pulau Pinang ini mengasaskan penubuhan Madrasah Daeratul Maarif Al-Wataniah di Kepala Batas yang tenaga pengajarnya termasuklah anak beliau sendiri, Ahmad Badawi.

### **Sumbangan Abdullah Fahim Yang Berharga (Penentu Tarikh Kemerdekaan Negara)**

Sheikh Abdullah Fahim juga berkait rapat dengan kemerdekaan Tanah Melayu kerana beliaulah tokoh yang diberi kepercayaan untuk memilih tarikh yang dirasakan serasi untuk

dikemukakan kepada pihak Inggeris. Dipendekkan cerita (rujuk sejarah kemerdekaan Negara), atas nasihat Abdullah Fahim dan kebijaksanaan Tunku Abdul Rahman, akhirnya seperti yang terakam dalam sejarah tanah air, Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1997. Tarikh keramat ini sebenarnya bukan dipilih dengan sesuka hati oleh Abdullah Fahim tetapi melalui ilmu firasat yang beliau miliki. Tarikh inilah yang kini dirayakan setiap tahun oleh seluruh rakyat Malaysia yang menghargai erti kemerdekaan.

Mungkin juga tidak ramai yang mengetahui bahawa pada pertemuan membincangkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu itu, Abdullah Fahim memberitahu Tunku selepas 5 tahun Tanah Melayu akan mencapai kemerdekaan, negara ini akan bertukar namanya. Ramalan yang dibuat berdasarkan ilmu firasat yang beliau miliki itu ternyata benar apabila dengan kehendak Allah jua, Tanah Melayu bertukar namanya kepada Malaysia 5 tahun selepas kemerdekaannya.

### JALAN TELAGA AIR

Jalan Telaga Air dilihat sebagai kawasan penempatan yang masih mengekalkan ciri asal sejak 1970an dengan adanya dua buah masjid, deretan kedai-kedai lama, gerai-gerai jualan buah dan bunga serta kedai-kedai jahit, mini market yang pertama di Butterworth dan kedai kedai makan india muslim.

Penduduknya yang mencerminkan entik utama Malaysia atau Pulau Pinang dapat dilihat dengan jelas hidup berjiran dan berhubungan diantara satu sama lain dalam urusan sehari-hari.

Nama Telaga Air adalah sempena kewujudan dua buah telaga dihujung jalan sebelah timur menuju ke simpang Jalan Sungai Nyior dan Jalan Raja Tun Uda. Telaga berdinding Bata merah masih ada di dekat persimpangan itu, manakala yang sebuah lagi telah ditimbul. Telaga ini dibina oleh seorang Melayu yang kaya pada masa dahulu untuk kegunaan sendiri dan awam, namun setelah tanahnya telah dijual dan terlibat dengan pengambilan untuk pembangunan jalan raya, lalu tinggal satu sahaja lagi dikawasan rezab jalan sekarang. Telaga yang masih ada masih digunakan terutama oleh penganut agama Hindu mandi disitu pada masa tertentu dalam setahun.

### JALAN KAMPUNG GAJAH DAN KUBANG BUAYA

Jalan Kampung Gajah dinamakan begitu sempena dengan wujudnya Kampong Gajah. Nama Kampong Gajah diperolehi dari asal sejarah dimana gajah-gajah yang terdapat di sini satu ketika dulu yang digunakan sebagai pengangkutan untuk membawa barang-barang dagangan dan kayubalak dari Kedah dan Singora (Songkla) Thailand ke Pulau Pinang dalam tahun 1880 hingga 1920 di Butterworth.

Barang-barang dagangan yang dibawa atau ditarik oleh gajah itu kemudiannya akan dimuat di atas kapal untuk dibawa ke Pulau Pinang melalui pengkalan Jeti Lama. Dahulunya gajah-gajah itu ditempatkan di belakang sebuah kedai makan Omar Hameed yang berhadapan dengan pawagam Odeon di Jalan Kampung Gajah, Butterworth.

*Konvenor Syarahan CenPRIS-Dato' Jenaton*

**Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican**

*Rekaletak oleh*

**Amirudin Othman**

*Suntingan oleh*

**Ahmad Faisal Mohamed Fiah**

*Penerbit*

**Pengarah**

**Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa**

**Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk**

Copyright-2017